



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## HOSPITAL PENDANG, KEDAH (REKA & BINA)

### Majlis Penyerahan Projek Hospital Pendang, Kedah

**PENDANG, KEDAH** – Hari ini telah berlangsung majlis penyerahan Projek Hospital Pendang yang telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya. Hadir sama menyaksikan majlis penyerahan projek adalah Duli Yang Amat Mulia, Tunku Shazuddin Ariff Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tunku Mahkota Kedah dan YB Dr. Zaliha Binti Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia.

Objektif utama pembinaan Projek Hospital Pendang adalah untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada masyarakat setempat serta kawasan sekitarnya. Projek yang dilaksanakan secara Reka dan Bina ini memuatkan sebanyak 126 katil pesakit dan empat (4) bilik bedah. Sekaligus menjadikan Hospital Pendang dikategorikan sebagai hospital pakar minor.

Kos kontrak adalah RM210.64 juta dengan tempoh pelaksanaan selama 214 minggu, meliputi komponen-komponen utama berikut:

- i. Bahagian Pentadbiran
- ii. Perkhidmatan Pesakit Dalam
- iii. Perkhidmatan Pesakit Luar
- iv. Pengimejan Diagnostik & Perkhidmatan Perubatan
- v. Jabatan Sokongan Perubatan
- vi. Jabatan Sokongan Bukan Perubatan
- vii. Kemudahan Latihan, Penyelidikan & Pendidikan
- viii. Fasiliti Balai Pelawat dan Kafeteria
- ix. Blok Mekanikal dan Elektrikal, Teknologi Informasi dan komunikasi.

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

Kerja - kerja pembinaan telah bermula pada 7 Mei 2018 (Tarikh Milik Tapak) dan siap sepenuhnya pada 13 Oktober 2022 (Sijil Perakuan Siap Kerja, CPC) iaitu lebih awal dari tarikh penyiapan asal mengikut kontrak.

Projek ini juga menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri (*Industrialised Building System*) dan menggabungkan Pemodelan Maklumat Bangunan (*Building Information Modelling*). Kaedah ini adalah bertepatan dengan usaha Kementerian untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepatkan tempoh pembinaan serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pekerja asing.

Semoga dengan terbinanya Hospital Pendang ini dapat mengurangkan beban penerimaan pesakit untuk pakar rujuk terutamanya di hospital-hospital berdekatan seperti Hospital Sultanah Bahiyah dan Hospital Sultan Abdul Halim (Kedah). Pelaksanaan projek ini juga adalah bukti komitmen kerajaan demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

12 Januari 2023

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur